



**PERKEMBANGAN JURAGAN-PENGUSAHA DALAM INDUSTRI PERIKANAN DI
MALAYSIA**

**[EVOLUTION OF SKIPPER-ENTREPRENEUR IN THE FISHING INDUSTRY IN
MALAYSIA]**

*¹Norfatiha Othman, ¹Abdul Rahman Abdul Latip & ^{1&2}Nor Hayati Sa'at

¹ Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu, 21300
Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

² Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari, Universiti Malaysia Terengganu,
21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

*Corresponding author: fatiha.nfo@gmail.com

Received: 10 Jan 2019,

Accepted: 13 May 2019

ABSTRAK

Artikel ini memfokuskan perkembangan juragan yang memimpin kapal di laut dalam. Suatu perubahan telah berlaku kepada juragan laut dalam, yang mana sebahagian daripada mereka mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan memainkan peranan sebagai seorang usahawan. Sebahagian daripada mereka bukan lagi juragan kapal tetapi berubah menjadi usahawan perikanan. Justeru, artikel ini bertujuan mengenal pasti ciri-ciri keusahawanan dan peranan yang dimainkan oleh juragan dalam industri perikanan. Kajian dijalankan di Wilayah East Coast Economic Region (ECER) yang melibatkan empat buah negeri di Malaysia iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur. Kaedah temu bual mendalam terhadap 17 orang informan iaitu lima di Kelantan, tiga di Terengganu, enam di Pahang dan tiga di Endau-Mersing. Mereka dipilih melalui pensampelan bertujuan dan pensampelan bola salji. Hasil temu bual ditranskripsikan ke dalam bentuk verbatim dan dianalisis menggunakan kaedah

tematik. Hasil kajian mendapati juragan laut dalam tidak lagi berperanan sebagai juragan, tetapi mereka telah menjadi seorang pengusaha perikanan. Transformasi mereka daripada juragan laut dalam kepada pengusaha atau dikenali sebagai 'juragan-pengusaha' merupakan satu perkembangan penting kepada industri perikanan. Mereka memiliki ciri keusahawanan iaitu modal manusia, modal sosial dan modal ekonomi. Ketiga-tiga modal ini penting bagi seseorang usahawan dalam mengurus dan menyusun atur organisasi perikanan sama ada dari segi merebut peluang, mengharungi risiko, proses pengeluaran tinggi, modal yang banyak dan jaringan hubungan sosial. Perubahan peranan daripada juragan semata-mata kepada menjalankan peranan dalam organisasi dan pasaran menyerlahkan lagi multi-fungsi seorang usahawan. Perkembangan juragan-pengusaha dapat menggalakkan lagi kerancakan pengeluaran ikan negara seterusnya menjamin kepada keselamatan makanan negara.

Kata kunci: Industri perikanan, juragan, nelayan laut dalam, transformasi, usahawan nelayan.

ABSTRACT

This article focuses on the development of the skipper who led the deep-sea vessel. Changes occurred to the deep-sea skipper, in which some of them possess entrepreneurial characteristics and act as an entrepreneur. Some of them turn out to be fishery entrepreneurs. The study was conducted in the East Coast Economic Region (ECER) which involved four states in Malaysia, namely, Kelantan, Terengganu, Pahang, and East Johor. A total of 17 informants were interviewed, five in Kelantan, three in Terengganu, six in Pahang and three in Endau-Mersing, in which, they were selected through purposive sampling and snowball sampling. The interviews were transcribed into verbatim and analyzed using thematic approach. The findings confirm that the deep-sea skippers are no longer a skipper but they have transformed to become a fishery entrepreneur. Their transformation from deep-sea skipper to entrepreneurs or known as skipper-entrepreneur is a significant development in the fishery industry. They possess entrepreneurial characteristics of human capital, social capital and economic capital, in which, all of these capitals are important for an entrepreneur in managing and organizing fishery organizations. It involves seizing opportunities, risks-taking, high production processes, high capital and social networking. The evolution form solely a skipper to take part in organization and market makes them a multi-function entrepreneur. The development of the skipper-entrepreneur can further increase the national fish production, thus contribute to ensuring national food security.

Keywords: Deep-sea fisherman, fishery entrepreneur, fishing industry, skipper, transformation.

Cite as: Othman, N., Abdul Latip, A. R., & Sa'at, N. H. (2019). Perkembangan juragan-pengusaha dalam industri perikanan di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 4(1), 112-135. <http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol4iss1pp112-135>

1.0 PENGENALAN

Juragan secara umumnya menurut Ensiklopedia Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2018) bermaksud ketua sesebuah bot atau kapal penangkap ikan. Juragan juga disebut nakhoda, kapten, kapitan atau taikong. Juragan bertanggungjawab mengendalikan kapal atau bot sewaktu berada di laut. Mereka bertanggungjawab ke atas keselamatan kapal dan anak kapal, selain menentukan perjalanan kapal dan pengurusan di atas kapal mengikut matlamat atau jadual sebagaimana yang telah ditetapkan.

Juragan juga terdiri daripada kumpulan yang terlibat secara langsung dengan aktiviti pengeluaran ikan, pemilik alat pengeluaran, mempunyai modal yang besar dan menggunakan teknologi baru (Firth, 1990; Wan Hashim, 1990; Nor Hayati, 2010). Mereka membina jaringan sosial, ekonomi dan politik (Therik, 2008; Sudarmono, Sulehan, & Rahamah, 2012) dengan mewujudkan sistem keterikatan dengan komuniti nelayan yang terbabit. Tugas juragan sebagai pemodal, pemarkas dan pemilik alat pengeluaran (Ungku Aziz, 1958; Mohammad Raduan, 2006; Nobuyuki, 2011; Mika, Junichiro, Hiroki, & Nobuo, 2015) menyebabkan mereka diberi kepercayaan yang tinggi dalam mengurus atur operasi perikanan komuniti nelayan yang terikat dengan mereka.

Juragan juga digelar angkung atau tekong (Wan Hashim, 1990) di sebelah Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Di Indonesia, juragan dipanggil Punggawa (Yosi, Pudjo, & Ani, 2015); di Thailand pula, mereka dikenali sebagai pengusaha perikanan (Jones, Gray, & Umponstira, 2010); di Filipina dipanggil nelayan komersial (Green et al., 2004; Zaragosa, Pagdilao, & Moreno, 2004); di Amerika Syarikat, juragan lebih dikenali sebagai *commercial harvesters* (Kearney et al., 2014) dan begitu juga di Finland, industri perikanan dimonopoli oleh pemilik bot (Food and Agriculture Organization of the United Nations [FAO], 2005). Juragan merupakan individu yang berpengalaman mengemudi sesebuah bot semasa aktiviti tangkapan. Selain itu, juragan terdiri dalam golongan yang memiliki alat pengeluaran, modal

yang besar, merupakan pewaris harta orang tua dan ada juga yang menjadi peraih (Firth, 1990). Bagi Ishak (1990), juragan adalah tauke-pemilik manakala Wan Hashim (1990) menjelaskan bahawa juragan merupakan golongan terkaya ketika itu [sekitar 1980an]. Bidang tugas juragan selain mengemudi bot, mereka juga pemberi modal (Ishak, 1990) sama ada modal manusia mahupun modal sosial (Nor Hayati, 2010) kepada nelayan lain. Juragan juga terlibat dalam aktiviti memproses hasil laut (Norfatih, 2015).

Perbincangan mengenai tanggungjawab juragan telah diperdebatkan lama dahulu oleh sarjana. Persoalan utama adalah, dalam proses transisi zaman misalnya sejak kajian oleh Firth sekitar 1940an hingga 1960an, diikuti oleh Ungku Aziz pada 1950an, seterusnya Ishak sekitar tahun 1980an, Wan Hashim pada 1990an dan Nor Hayati pada pertengahan 2000an, sejauh mana perkembangan kelompok juragan ini dalam industri perikanan. Justeru, makalah ini memberi tumpuan kepada juragan laut dalam yang mana mereka bermula dari bawah sebagai krew pesisir, seterusnya juragan pesisir; kemudian, menjadi juragan laut dalam; dan akhirnya berjaya menjadi pengusaha perikanan, seterusnya melakukan evolusi dalam perusahaan sehingga mereka menjadi juragan-pengusaha berjaya.

Keadaan tersebut memberi gambaran bahawa dalam satu sudut mereka merupakan juragan kapal laut dalam yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan luas, dari sudut lain pula, mereka juga seorang usahawan perikanan. Oleh yang demikian, makalah ini bertujuan untuk meneroka perkembangan juragan laut dalam yang menjadi pengusaha di Wilayah ECER khususnya. Makalah ini akan mengenal pasti ciri-ciri keusahawanan juragan-pengusaha dan peranan mereka kepada industri perikanan negara.

2.0 SOROTAN LITERATUR

2.1 Perkembangan Industri Perikanan di Malaysia

Industri perikanan di Malaysia terbahagi kepada tiga. Pertama industri perikanan pinggir pantai atau pesisir pantai, kedua, industri perikanan laut dalam dan ketiga, industri perikanan akuakultur atau dikenali sebagai perikanan darat. Ketiga-tiga industri perikanan ini memberi sumbangan kepada jumlah pendaratan hasil ikan negara bagi mencukupkan permintaan dan mengurangkan import dari luar negara. Kesalinghubungan antara ketiga-tiga jenis industri perikanan melengkapkan antara satu sama lain untuk membekalkan sumber protein kepada penduduk.

Perikanan pinggir pantai dijalankan oleh nelayan tradisional yang menangkap ikan di sekitar jarak kurang daripada 30 batu nautika daripada pantai. Nelayan tradisional dan nelayan

pantai ini masih menggunakan teknologi lama misalnya bot berenjin dengan kuasa kecil, bot enjin sangkut, bot fiber dan perahu kecil. Pukat pula terdiri daripada pukat tradisi iaitu pukat tarik, pukat hanyut, bubu dan pancing. Gerak kerja mereka hanya menggunakan dua hingga lima orang sahaja bergantung kepada jenis bot yang digunakan.

Jenis bot yang digunakan ditentukan oleh Gross Registered Tonnage (GRT) atau berat tan berdaftar sesebuah bot dan zon yang telah ditentukan berdasarkan berat bot tersebut. Pada tahun 1982, Jabatan Perikanan Malaysia telah membuat pengezonan perairan perikanan supaya setiap bot tidak bertindan tempat tangkapan. Terdapat empat zon yang telah dibahagikan iaitu pertama, Zon A, bot yang diklasifikasikan di zon A mempunyai berat tidak melebihi 40 GRT dan jarak penangkapan dari pantai adalah kosong hingga lima batu nautika. Bot ini menggunakan peralatan tradisional dan pukat jerut bilis. Kedua, zon B. Bot ini juga mempunyai berat tidak melebihi 40 GRT tetapi jarak operasi bot ini adalah antara lima hingga 12 batu nautika dan kelengkapan tangkapan mereka lebih efektif seperti pukat tunda dan pukat jerut. Ketiga zon C di mana jarak operasi lebih jauh berbanding zon A dan B iaitu antara 12 hingga 30 batu nautika. Mereka merupakan nelayan semi-komersial. Kebanyakan nelayan ini menggunakan pukat tunda dan pukat jerut. Jika nelayan zon A dan B mengusahakan sendiri bot mereka, terdapat nelayan di Zon C yang tidak mengusahakan sendiri tetapi mengupah orang lain untuk mengusahakan bot mereka.

Bot yang beroperasi di zon A sehingga zon C dikelaskan sebagai bot pinggir pantai. Corak tangkapan berskala kecil dan hasil tangkapan sedikit. Orientasi hasil tangkapan dijual secara harian dan lebihan jualan digunakan untuk kegunaan sendiri. Biasanya hasil tangkapan merangkumi jenis ikan selayang, kembung, bilis, kerisi dan sebagainya. Modal operasi yang digunakan juga kecil. Modal tersebut biasanya modal sendiri atau modal yang dipinjam dari keluarga dan tauke.

Perikanan laut dalam merupakan perikanan tangkapan komersial yang dijalankan secara besar-besaran oleh pengusaha perikanan. Kawasan tangkapan juga luas dan dalam sehingga sempadan perairan negara iaitu melebihi 30 batu nautika dengan berat muatan bot melebihi 70 GRT. Bot ini dikelaskan di zon C2 dan C3 dengan menggunakan pukat tunda, pukat jerut dan rawai untuk menangkap ikan. Jangka masa di laut juga lebih lama iaitu di antara tiga hari sehingga sebulan. Hal ini kerana, skala pengeluaran nelayan komersial ini adalah secara besar-besaran dan akan membawa hasil tangkapan yang maksimum.

Dari konteks pemasaran nelayan komersial pula, pasaran mereka tidak tertumpu kepada pasaran tempatan sahaja, tetapi dieksport ke luar negara misalnya, Thailand dan Singapura.

Hasil tangkapan perikanan laut dalam juga bersifat komersial dan mahal. Misalnya, udang kara, tuna, tenggiri, kerapu, cencaru dan merah. Pemanfaatan teknologi moden membolehkan mereka menangkap ikan dengan mudah tanpa menggunakan tenaga kerja manusia. Antara teknologi moden yang digunakan seperti sonar, *eco sounder*, bot kuasa tinggi, kompas, radio televisyen dan robot penarik pukat.

Untuk mengoperasikan sesebuah bot laut dalam, seseorang pengusaha memiliki modal yang besar dan sanggup menanggung risiko kerugian. Perusahaan laut dalam biasanya dimiliki oleh syarikat persendirian. Ada juga syarikat milik Persatuan Nelayan seperti di Tumpat, Kelantan dan Kuantan, Pahang. Modal yang diperoleh adalah daripada sumber pinjaman bank, koperasi dan duit simpanan individu. Kini, industri perikanan laut dalam diberi penekanan oleh kerajaan kerana sumbangannya yang besar dalam meningkatkan pendapatan negara.

Perikanan akuakultur merupakan pemeliharaan ikan sangkar sama ada ikan air tawar dan air payau. Perikanan akuakultur termasuklah pengeluaran perikanan bukan makanan seperti rumpai laut, ikan hiasan dan tumbuhan akuatik (Jabatan Perikanan Malaysia, 2016). Tujuan perikanan akuakultur diperkenalkan adalah untuk menambah pengeluaran hasil perikanan tangkapan, meningkatkan pendapatan negara dan memastikan bekalan ikan dalam negara mencukupi. Perikanan akuakultur menarik minat komuniti nelayan darat yang tinggal berhampiran sungai dan parit untuk menceburi perusahaan ini.

Selain itu, perikanan akuakultur juga bertujuan memperkembangkan potensi eksport. Pada tahun 2014, perikanan akuakultur menyumbang sebanyak 26 peratus kepada jumlah pengeluaran ikan negara. Kadar pertumbuhan sebanyak lapan peratus setahun dalam tempoh 10 tahun lalu menunjukkan industri perikanan akuakultur berkembang dengan pesat (Jabatan Perikanan Malaysia, 2016). Pembangunan akuakultur berpotensi dijalankan di Malaysia kerana mempunyai kawasan yang sesuai seperti paya bakau, bekas lombong, tasik, kolam dan sangkar laut. Ternakan akuakultur yang dijalankan secara komersial dapat meningkatkan pengeluaran ikan dan merupakan satu metode jangka panjang untuk mengawal kenaikan harga ikan pada masa akan datang. Antara projek ternakan ikan di luar pantai oleh Jabatan Perikanan adalah di Pulau Intan Besar (Langkawi), Pulau Besar (Melaka), Tanjung Tohor (Johor), Teluk Brunei dan Pulau Gaya (Sabah) (Tengku Roziana, 1997).


2.2 Keusahawanan dalam Kalangan Nelayan

Usahawan merupakan individu yang mempunyai keupayaan luar biasa untuk mengenal pasti dan menggunakan peluang baharu, mempunyai komitmen dan motivasi tinggi dan

kesanggupan mengambil risiko yang wujud dalam sesebuah perusahaan (Rusu, Isac, Cureteanu, & Csorba, 2012). Keusahawanan pula melibatkan tindakan manusia yang berusaha untuk menjana nilai melalui penciptaan atau pengembangan aktiviti ekonomi dengan mengenal pasti dan mengeksploitasi produk, proses dan pasaran baharu (Organisation for Economic Co-Operation and Development [OECD], 2009) mengikut keperluan sosial dan persekitaran yang menonjol. Keusahawanan juga membabitkan interaksi sosial yang melampaui batas individu usahawan itu sendiri untuk tujuan kerjasama kumpulan, organisasi, jaringan dan institusi (Blundel & Lockett, 2011).

Usahawan nelayan menurut Norfatiha (2015) merupakan nelayan yang terlibat dalam perniagaan dengan mengurus, menerajui sendiri, merencamkan pendapatan mereka melalui aktiviti perikanan atau aktiviti perniagaan lain dan tidak semata bergantung pada aktiviti penangkapan ikan semata. Tambah Zaitu Akma (2004) usahawan nelayan juga menjalankan urus niaga di bawah bimbingan Persatuan Nelayan Kawasan. Mereka ini digelar usahawan nelayan PKS. Mereka memproses hasil tangkapan untuk dijadikan bahan perniagaan. Antara produk yang diproses adalah produk ikan kering, keropok kering, udang kering dan bebola ikan. Produk tersebut akan dipasarkan di pasar raya sekitar. Usahawan nelayan tersebut mempunyai tahap kebolehan kerja di atas kaki sendiri, cuma disokong dan disuntik sedikit modal untuk lebih maju dan menambah keperluan lain yang tidak mencukupi.

Keusahawanan nelayan dibahagi kepada dua. Pertama, keusahawanan perniagaan yang terdiri daripada pemilik bot dan menjual hasil tangkapannya sendiri tanpa melibatkan orang tengah. Mereka adalah juragan pemilik bot yang bukan hanya berniaga hasil laut tetapi menjalankan perniagaan lain seperti membuka restoran, kedai runcit dan pasar basah. Manakala, kedua pula, keusahawanan bukan perniagaan yang melibatkan nelayan pemprosesan dan pertanian. Nelayan pemprosesan ini merupakan nelayan yang memproses hasil laut seperti budu, keropok, ikan kering dan belacan selepas aktiviti tangkapan. Hasil laut yang diproses akan dijual di pasar dan kawasan sekitar. Seterusnya, nelayan pertanian pula adalah nelayan yang menjalankan akuakultur, penternakan dan bercucuk tanam sebagai pendapatan tambahan selepas ke laut (Norfatiha, 2015).



Rajah 1: Jenis keusahawanan nelayan
(Sumber: Norfatiha, 2015)

Dalam kes kajian ini, usahawan yang terlibat adalah nelayan laut dalam yang mengusahakan perusahaan perikanan secara berskala besar. Mereka bukan sahaja terlibat dengan industri perikanan semata-mata, tetapi menjalankan perniagaan lain seperti membuka kilang ais, menjalankan pertanian, menyewakan bangunan, membuka kedai alat ganti dan memproses sumber laut.

2.3 Pendekatan Teori

Kajian menggunakan perspektif sosiologi kepada fenomena ekonomi (Smelser & Swedberg, 2005) dengan alasan bahawa kehidupan ekonomi tertanam di dalam struktur sosial yang besar. Jika dilihat dari sudut sosiologi pembangunan komuniti, tokoh seperti Karl Marx, Max Weber dan Emile Durkheim telah membahaskan mengenai kaitan sosial dan ekonomi. Menurut mereka, terdapat interaksi antara masyarakat dengan ekonomi. Sama ada masyarakat mempengaruhi ekonomi atau pun ekonomi mempengaruhi masyarakat (Granovetter & Swedberg, 1992). Individu dalam masyarakat berinteraksi antara satu sama lain bagi mendapatkan atau menjangkakan akan mendapat ganjaran atau faedah tertentu. Mereka akan cuba mengelak daripada memperoleh sesuatu yang tidak baik dalam interaksi tersebut.

Bagi mencapai maksud tersebut, kajian menggunakan teori strukturasi untuk menghuraikan perkembangan juragan dalam industri perikanan. Titik utama dalam teori strukturasi adalah agen (aktor), struktur dan keduaan struktur. Giddens, menekankan bahawa,

masyarakat bukanlah penciptaan subjek individu (Giddens, 1984). Titik pertemuan antara kedua-dua, agen dan struktur merupakan objek utama dalam sistem sosial. Agen adalah aktor yang menghasilkan sesuatu tindakan oleh manusia. Manakala struktur pula merupakan peraturan. Peraturan tersebut adalah undang-undang yang perlu diikuti oleh semua manusia dalam kehidupan sosial. Bagi mencapai maksud kehidupan sosial, agen dan struktur perlu mencapai satu titik keseimbangan. Keseimbangan agensi dan struktur merujuk kepada satu konsep keduaan struktur iaitu struktur sosial (Giddens, 1984). Struktur sosial merupakan masyarakat yang mempunyai pendirian sendiri dan terlepas dari pembentukan individu lain. Antara unsur struktur sosial adalah peranan, hubungan, peraturan dan budaya. Menurut Lloyed (1993) agen tidak dapat berdiri sendiri tanpa struktur sosial. Agen terdiri daripada individu atau kelompok sosial yang mempunyai kemampuan untuk mentransformasikan struktur.

Asasnya dalam kajian ini, kajian melihat kepentingan hubungan agen dengan struktur. Agen adalah aktor. Aktor dalam kajian ini terdiri daripada juragan, pengusaha, krew serta komuniti nelayan lain. Struktur pula undang-undang, peraturan, norma, nilai dan budaya yang dipraktikkan dalam sistem dan kehidupan sosial. Dalam konteks industri perikanan, struktur bererti sebuah peraturan yang meregulasi industri ini dari segi legal, sosial, budaya dan ekonomi. Tindakan aktor dan struktur yang mempengaruhi tingkah laku sosial dalam sesebuah masyarakat khususnya kelompok juragan dan komunitinya. Hal ini kerana, aktor memiliki keluwesan atau keupayaan untuk bertindak sendiri. Aktor mempunyai dinamik yang tersendiri yang membolehkan bertindak balas terhadap struktur. Manakala struktur pula bertugas sebagai satu susunan yang mengawal aktor dalam keadaan tertentu. Tindakan juragan, pengusaha dan krew yang memiliki kemampuan untuk melakukan sesuatu usaha atau kegiatan bagi memenuhi keinginan mereka menghasilkan satu tindakan sosial. Walau bagaimanapun tindakan sosial tersebut perlu mengikut regulasi yang telah ditetapkan oleh struktur.

Struktur merupakan undang-undang yang mengawal industri perikanan. Pada masa yang sama, selain undang-undang tersebut, terdapat juga undang-undang sosial, ekonomi, dan budaya yang diguna pakai antara juragan dan komuniti nelayan dengan struktur dalam industri perikanan. Namun begitu, yang mengikat dari segi undang-undang adalah aktor pemerintah yang mengawal industri itu. Interaksi antara juragan dengan struktur (kerajaan, ekonomi, sosial dan budaya) mempunyai kepentingan bagi mendapatkan sesuatu manfaat dalam hubungan. Pada masa yang sama struktur menjadi medium kepada tindakan sosial yang dihasilkan oleh juragan, misalnya dalam kajian, apabila juragan ingin menambah lesen vessel, mereka perlu mengikut peraturan permohonan lesen yang telah disyaratkan. Walau bagaimanapun,

hubungan sosial yang terbina antara juragan dengan agensi perikanan dapat memudahkan proses permohonan tersebut. Perkara ini mewujudkan satu interaksi sosial yang bersifat dinamik. Kedinamikan hubungan dapat menghasilkan semula sistem sosial. Yang mana pengetahuan dan pengalaman yang dilalui dapat menjadikan struktur boleh bertindak dan mengubah serta reproduksi struktur melalui praktik sosial yang sudah bersifat rutin. Hubungan sosial dapat memberi keseimbangan kepada agen dan struktur apabila mereka mencapai satu titik kebersamaan dan mendapat sesuatu daripada interaksi tersebut. Kajian percaya bahawa juragan tidak dapat memenuhi keperluan mereka tanpa sokongan dan bantuan daripada kerajaan dan regulasinya.

3.0 METODOLOGI

Kajian menggunakan reka bentuk kajian kes. Kajian kes adalah penelitian terhadap satu unit sosial, individu, institusi, kumpulan kebudayaan dan seluruh masyarakat (Kothari, 2004). Dalam kes kajian ini, kajian membuat penelitian terhadap kumpulan nelayan yang bertanggungjawab sebagai juragan atau ketua bot.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang dapat memberi tafsiran, keterangan, interpretasi makna dalam proses komunikasi (Creswell & Poth, 2017). Bagi menjalankan prosedur kajian kualitatif, kajian menggunakan tiga bentuk kaedah. Pertama, kaedah persejarahan yang melibatkan tempoh masa, orang tertentu atau sesuatu fenomena dengan tujuan menilai temu bual serta kesannya. Kedua, aplikasi kaedah temu bual mendalam bagi membolehkan informan memberi refleksi terhadap sejarah hidup mengikut sejarah yang dilalui dalam tempoh masa tertentu. Selain itu, kaedah temu bual juga bertujuan untuk menerangkan, mencari makna dan memahami kehidupan juragan. Kaedah ini membolehkan kajian memperluaskan temu bual. Kaedah ini dapat menjawab kemusykilan yang dikeluarkan oleh juragan ketika temu bual dapat diperjelas secara langsung. Ketiga, kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah yang mengkaji dan memahami orang-orang dalam persekitaran semula jadi mereka.

Kawasan kajian melibatkan wilayah ECER iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur. Kawasan kajian di Kelantan di Tok Bali, Pasir Putih dan Genting, Tumpat; di Terengganu melibatkan Kuala Besut; di Pahang melibatkan daerah Kuantan manakala di Johor Timur adalah Endau-Mersing. Kawasan tersebut dipilih kerana terdapat operasi bot laut dalam yang masih aktif. Pendaratan ikan oleh vesel laut dalam juga masih tinggi dan masih menyumbang kepada kadar Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia.

Kajian melibatkan 17 orang informan utama yang terdiri daripada juragan pemilik bot C2. Antara pertimbangan kajian temu bual 17 orang informan adalah setelah mencapai titik tepu. Ketepuan data dicapai apabila terdapat maklumat yang mencukupi untuk menjawab persoalan kajian. Selain itu, kajian juga mengambil kira berkaitan kerjasama dan kesudian informan untuk ditemu bual. Sampel dipilih melalui pensampelan bertujuan iaitu pemilihan sampel berdasarkan kriteria yang menjadi syarat pemilihan sampel kajian. Kaedah bola salji juga turut digunakan dalam kajian, yang mana sebahagian responden yang mempunyai ciri-ciri yang diperlukan oleh kajian dijadikan responden melalui perkenalan dengan responden sebelumnya. Unit analisis kajian ini adalah, seorang juragan yang mempunyai pengalaman dan kemahiran mengenai aktiviti perikanan melebihi 5 tahun, pernah menjadi juragan dan mempunyai pengalaman kelautan tetapi masih aktif mengusahakan bot sendiri dengan melantik juragan lain untuk bekerja dalam bot mereka dan memiliki vesel laut dalam zon C2. Kajian menggunakan terma juragan-pengusaha dalam kajian disebabkan gabung jalin pengalaman sebagai juragan dan berevolusi menjadi pengusaha perikanan laut dalam.

Proses pengumpulan data menerusi temu bual mendalam dengan informan yang telah dipilih. Antara alat untuk melengkapkan proses pengumpulan data adalah pita rakaman, kamera dan soalan panduan yang lengkap sebagai garis panduan. Data pemerhatian dilengkapkan menggunakan nota catatan lapangan yang dibina khusus untuk melaporkan perkara yang diperhatikan semasa aktiviti lapangan. Analisis data melalui naratif temu bual yang telah ditranskripsikan dalam bentuk sedutan kata. Naratif tersebut dibahagikan mengikut kategori tertentu, seterusnya dibahagikan mengikut tema-tema yang telah ditentukan oleh kajian.

4.0 PENEMUAN DAN PERBINCANGAN


4.1 Transisi Juragan Laut Dalam

Perubahan yang berlaku kepada juragan laut dalam merupakan satu proses yang lamban, namun konsisten sehingga mereka berjaya menjadi kelompok usahawan yang dapat menguasai industri perikanan. Kesemua 17 orang informan berasal daripada nelayan pesisir, kemudian dilantik menjadi juragan dalam kapal pesisir selepas mempunyai kemahiran dan pengalaman yang mencukupi untuk mengemudi kapal. Hidup dalam kemiskinan daripada pewaris mendorong mereka untuk mengubah hidup mereka. Seterusnya, mereka bertukar kepada bot yang lebih besar misalnya bot zon A, B atau C. Perlu diingatkan bahawa, ketika mereka menjadi juragan pesisir sekitar tahun 70an, alat pengeluaran utama ketika itu adalah bot kayu

yang mana di Kelantan dipanggil bot 'sekoci' manakala di Terengganu dipanggil perahu payang.

Operasi menggunakan bot zon A, B dan C tersebut melebihi 10 tahun malah mencecah berbelasan tahun. Dalam pada masa yang sama, proses pengumpulan modal untuk menaik taraf jentera operasi terutama kapal menjadi satu matlamat penting. Sekitar tahun 80an, pinjaman bank pertanian (sekarang Agro Bank) telah dibuka kepada nelayan untuk pinjaman modal. Pinjaman tersebut dijadikan suntikan untuk meluas lebarkan perusahaan perikanan mereka. Menurut salah seorang informan, untuk membuat pinjaman, seseorang peminjam suatu ketika dahulu perlu mempunyai cagaran misalnya tanah, rumah dan emas sebagai sandaran. Sesetengahnya membuat pinjaman dengan keluarga dan rakan akibat ketiadaan harta sebagai cagaran. Oleh itu, mereka mula membeli kapal laut dalam memandangkan pada akhir tahun 80an kerajaan menggalakkan nelayan untuk terlibat dengan industri perikanan laut dalam. Mereka disediakan kursus teknikal secara teori dan praktikal sekiranya berminat dengan tawaran tersebut.

Peluang yang ditawarkan oleh kerajaan disambut baik oleh informan kajian. Transformasi dari nelayan pesisir sehingga menjadi juragan pemilik kapal laut dalam memberi impak yang positif kepada kehidupan mereka. Perusahaan perikanan semakin memberangsangkan dan bilangan kapal ditambah selari dengan pemilikan modal dan pendapatan mereka. Kemajuan dalam perniagaan perikanan mendorong mereka untuk 'bersara' daripada menjadi juragan kapal. Faktor pengurusan sumber tangkapan di darat dan mula terlibat dengan aktiviti perniagaan lain selain menangkap ikan, mengehendkan masa mereka di atas kapal. Justeru, mereka mengupah juragan-pekerja untuk mengambil alih tempat mereka.



Rajah 2: Transisi juragan laut dalam

4.1.1 *'Bersara'*

'Bersara' dalam konteks kajian bermaksud, juragan tidak lagi mengemudi kapal tetapi masih terlibat dengan aktiviti perikanan dan perusahaan lain. Keputusan 'bersara' memandangkan mereka perlu mengurus perusahaan yang semakin rencam. Namun, ada ketikanya mereka akan 'turun padang' untuk memantau prestasi krew-krew menjalankan kerja penangkapan. Uniknyanya, di Pahang, kebanyakan juragan-pengusaha masih menjadi juragan kepada kapal mereka sementara kapal-kapal lain turut diupah juragan-pekerja untuk mengendalikan operasi tangkapan. Manakala di negeri Kelantan, Terengganu dan Johor Timur, operasi tangkapan dikendalikan sepenuhnya oleh juragan-pekerja. 'Pesara' juragan ini mula memberi fokus kepada perusahaan perikanan setelah melihat perkembangan pesat dalam industri perikanan laut dalam.

4.1.2 *Mengembangkan Perusahaan*

Perkembangan industri laut dalam misalnya teknologi, pelabuhan yang kondusif dan dorongan kerajaan merancakkan semangat untuk meluaskan perusahaan sedia ada. Apa yang lebih penting, mereka yang telah ceburi industri perikanan dianggap satu perniagaan yang menguntungkan dan bukan lagi mata pencarian semata-mata untuk meneruskan kehidupan. Atas faktor tersebut mereka optimis terhadap perusahaan perikanan walaupun mempunyai risiko yang tinggi. Sikap optimistik itulah membawa kepada wujudnya syarikat perikanan berdaftar untuk menguruskan perusahaan perikanan. Perkembangan syarikat perikanan mendorong juragan-pengusaha untuk menjalankan urus niaga lain sebagai backup (sandaran) kepada syarikat perikanan.

Di Kelantan misalnya, juragan-pengusaha membuka kilang ais untuk ditawarkan kepada kapal yang berlabuh, memelihara burung walit untuk tujuan menjual sarangnya, pembinaan rumah kedai untuk disewa, mengusahakan ladang kelapa sawit dan ada yang menjadi kontraktor pembinaan. Di Terengganu dan Pahang pula, mereka kebanyakannya membuka kedai alat pengeluaran perikanan. Ada di antara mereka turut juga mengusahakan ladang pertanian dan membina rumah kedai untuk disewakan. Berbeza di Johor Timur, Endau-Mersing, mereka membina jeti untuk disewakan kepada nelayan-nelayan di sekitar untuk berlabuh. Mereka juga membuka perniagaan berasaskan sumber laut seperti pembuatan filet, gamat, bebola ikan dan ikan kering untuk dipasarkan di sekitar negeri Johor. Ada juga yang membuka pasar raya sekitar Mersing dan Rompin, Pahang.

Perkembangan industri perikanan membuka mata juragan-pengusaha untuk maju ke hadapan dengan merencamkan perniagaan mereka. Walau pun proses transisi untuk mengubah kehidupan berlaku secara perlahan, penerimaan perkara baharu dan sanggup belajar perkara baharu menjadikan mereka kelompok penting dalam industri perikanan hari ini. Mereka bukan sahaja mengubah hidup mereka, malah dapat memberikan pekerjaan kepada orang lain, menyumbang sumber protein kepada penduduk dan meningkatkan pendapatan negara.

4.2 Ciri-ciri Keusahawanan Juragan-Pengusaha

Sifat yang dimiliki oleh juragan laut dalam menyebabkan mereka cenderung untuk berevolusi dari juragan pesisir kepada juragan laut dalam. Evolusi tersebut berterusan sehingga mereka berjaya menjadi usahawan yang berjaya. Sebelum seseorang terlibat dalam perniagaan, secara tradisinya mereka memerlukan empat faktor pengeluaran ekonomi iaitu tanah, buruh, modal dan usahawan.

4.2.1 Ciri Keusahawanan Modal Manusia

Modal manusia melibatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan potensi keusahawanan yang dimiliki. Pengukuhan modal manusia menerusi pengenalan potensi yang ada pada diri menyedarkan juragan [ketika ini masih menjadi juragan pesisir] bahawa tindakan untuk keluar dari kepompong sedia ada terbuka luas. Atas dasar itulah juragan mengenal pasti kapasiti yang dimiliki menerusi pemilikan ciri modal manusia yang dapat mengukuh dan mendaya upaya kelebihan yang ada. Ilmu pengetahuan yang dimiliki sebagai faktor pendorong untuk terlibat dengan keusahawanan dan; risiko yang dikenal pasti dalam industri perikanan dijadikan sebagai peluang untuk mentransformasikan perusahaan. Kemahiran yang terkumpul menjadikan juragan seorang yang produktif untuk menjadi inovator manakala potensi keusahawanan yang dikenal pasti dijadikan faktor pemboleh untuk mengorak langkah dalam industri perikanan.

Faktor pendorong kejayaan antaranya mempunyai pengalaman, latihan dan kemahiran yang luas dalam bidang perikanan. Menjadi satu nilai tambah kepada seseorang juragan apabila mereka berketurunan nelayan. Pengalaman yang ada memudahkan juragan untuk menyesuaikan diri dengan perkara baharu yang ingin dipelajari. Dalam konteks ini misalnya, perubahan daripada juragan pesisir kepada juragan laut dalam tidak memerlukan mereka belajar perkara di luar bidang mereka tetapi mengadaptasi dan menguasai aset pengeluaran

berskala besar dan mencabar diri untuk mencuba beroperasi di zon penangkapan baharu. Justeru, skil dan pengetahuan yang dimiliki dapat diguna pakai untuk meneroka laut dalam.

Seterusnya, faktor pendorong lain adalah minat dan kepuasan diri. Aktiviti kelautan merupakan minat utama yang mempunyai pencapaian tertentu untuk dicapai sebagai kepuasan diri mereka. Kehendak kepada kehidupan yang lebih baik daripada pewaris [bapa dan datuk] mendorong mereka untuk mencuba perkara baharu yang selari dengan minat yang ada pada diri. Selain itu, sikap yang inginkan kebebasan juga menjadi faktor utama mereka terlibat dengan perusahaan industri perikanan laut dalam. Memikirkan kemahiran dan kepandaian hanya menerusi cabang aktiviti kelautan, mereka mencungkil potensi sedia ada untuk pergi lebih jauh disebabkan inginkan kebebasan dalam pekerjaan. Ketidak-terikatan dengan majikan, masa bekerja, protokol dan peraturan tertentu menyebabkan mereka berevolusi dan meluaskan perusahaan perikanan sedia ada.

Seterusnya, proses evolusi juragan pesisir kepada juragan laut dalam, dan akhirnya menjadi usahawan disebabkan mereka bijak mengubah risiko menjadi peluang dalam industri perikanan. Peluang dan risiko merupakan elemen penting kepada seseorang usahawan. Risiko merupakan kemungkinan yang ada di dalam perniagaan untuk mengalami kerugian manakala peluang pula adalah perkara yang dianggap sebagai kesempatan yang baik mahupun keadaan yang menguntungkan seseorang usahawan. Bagi mengubah risiko menjadi peluang, strategi dalam beroperasi seperti memiliki lebih dari sebuah kapal sebagai *backup* (sandaran) kepada kapal lain menjadi kaedah utama majoriti usahawan juragan ini. Kaedah ini didapati realistik dalam memastikan kelangsungan perusahaan perikanan. Tambahan pula bagi juragan yang beragama Islam, mereka percaya bahawa setiap usaha akan diberikan rezeki atau hasil walau pun sedikit. Selain itu, mereka juga mencari alternatif lain sebagai sandaran iaitu dengan menjalankan perusahaan berasaskan sumber marin. Misalnya membuat filet ikan, ikan kering, ikan sejuk beku, udang kering, perusahaan air batu ikan, malah ada yang mencari pasaran luar negara seperti Thailand, Singapura dan Jepun untuk mengeksport ikan mentah dan ikan baja [ikan kecil yang tidak dimakan tetapi dijadikan baja atau makanan ikan].

Ciri keusahawanan modal manusia seterusnya yang dimiliki adalah inovator dan pengenalpastian potensi yang wujud pada diri. Inovator dalam konteks kajian bermaksud mereka sanggup mengembangkan bakat dan perusahaan sedia ada kepada yang lebih besar berdasarkan potensi diri. Potensi adalah keupayaan untuk menerima perbezaan dan kelainan dalam industri perikanan bagi memastikan perusahaan perikanan berdaya saing. Misalnya penggunaan bot kecil kepada kapal laut dalam, penggunaan teknologi canggih sepenuhnya

dalam aktiviti menangkap ikan, mewujudkan sebuah syarikat yang berdaftar untuk perniagaan dan mengubah skala pengeluaran yang kecil kepada skala pengeluaran secara besar-besaran. Corak pemikiran juragan-pengusaha sebagai inovator meningkatkan lagi kredibiliti mereka sebagai seorang usahawan juragan yang optimis dan proaktif.

Pemilikan ciri keusahawanan yang digabungkan dengan modal manusia dapat mentransformasikan juragan pesisir kepada juragan laut dalam sehingga menjadi usahawan dalam industri perikanan. Pengembangan perusahaan perikanan berasaskan keupayaan yang dimiliki dapat meningkatkan pendayaupayaan mereka di dalam aktiviti keusahawanan.

4.2.2 Ciri Keusahawanan Modal Sosial

Umumnya, modal sosial merupakan hubungan atau jaringan. Keupayaan membina hubungan dengan sesuatu pihak merupakan faktor penting untuk mengembangkan kehidupan waima perniagaan sekalipun. Dalam konteks kajian, kebolehan membina jaringan yang ada pada juragan-pengusaha menjadi satu kelebihan untuk mentransformasikan hidup dan memajukan perniagaan mereka. Justeru, ciri modal sosial yang ada digunakan sebagai peluang untuk membangunkan hubungan dengan komuniti mereka termasuklah keluarga, rakan dan pemegang taruh.

Perkara yang unik dalam komuniti nelayan setempat, hubungan modal sosial rapat antara mereka sangat kukuh. Hal ini dibuktikan dengan aktiviti melepak dan berkumpul di sesuatu tempat untuk berbual kosong atau pun membincangkan isu dalam kalangan komuniti mereka sendiri. Biasanya di kopitiam, restoran dan kafeteria tertentu. Hubungan sosial rapat bermaksud komuniti nelayan ini mempunyai hubungan yang sangat akrab sesama mereka. Rakan yang memerlukan bantuan dan sokongan akan sepenuhnya diberi pertolongan supaya mereka sama-sama membangun. Dalam hal ini, juragan-pengusaha yang telah lama menceburi dalam perniagaan perikanan memberi tunjuk ajar teknik dan kaedah yang betul untuk menjalankan perusahaan. Bukan sahaja perkongsian ilmu, tetapi sokongan mental dan bantuan kewangan juga disalurkan jika rakan mereka memerlukan. Ciri keusahawanan modal sosial rapat sebegini akan memperkasakan lagi komuniti nelayan itu sendiri.

Sungguhpun demikian, komuniti nelayan juga telah lama menjalankan urus niaga dengan komuniti luar misalnya suatu ketika dahulu, sebelum menjalankan perusahaan perikanan sendiri, mereka telah berhubungan dengan peraih, tauke atau orang tengah dalam memasarkan ikan. Perkembangan perusahaan perikanan yang dialami mendorong mereka untuk berhubungan dengan pelbagai jenis pihak termasuklah rakan di dalam atau luar negara,

menyertai persatuan perusahaan perikanan laut dalam dan pelbagai peringkat pembeli ikan sama ada borong mahupun runcit. Jenis modal sosial ini dikenali sebagai modal sosial sempadan. Modal sosial sempadan penting untuk juragan-pengusaha meluaskan hubungan bagi tujuan perniagaan. Kepentingan pemilikan modal sosial sempadan membolehkan perkongsian ilmu antara rakan, mengukuhkan kedudukan melalui persatuan dan yang paling penting membina sebanyak mungkin jaringan dengan pembeli ikan iaitu peraih, pemborong, tauke, penjaja dan pembeli runcit.

Hubungan yang dibina tidak lengkap sekiranya seseorang usahawan itu termasuklah juragan-pengusaha tidak membina hubungan dengan pihak pemegang taruh yang berkaitan iaitu Jabatan Perikanan Malaysia, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Persatuan Nelayan. Hubungan ini dipanggil modal sosial jaringan. Signifikannya, pembinaan hubungan dengan pihak terbabit memberi manfaat tertentu misalnya sokongan dari segi pelesenan, bantuan kewangan, insentif tertentu, kemudahan-kemudahan tertentu dan penting untuk memudahkan urusan birokrasi. Keupayaan membina hubungan baik dengan pihak tersebut, menjadi nilai tambah kepada sesetengah juragan-pengusaha dalam menguruskan hal-hal perikanan. Perkara ini tidak bermaksud memperbetulkan sebarang perkara salah yang dilakukan, namun mengharmonikan hubungan supaya dapat mencapai kepentingan mereka dalam industri perikanan.

Keupayaan membina hubungan dengan semua pihak merupakan ciri-ciri penting yang perlu ada kepada juragan-pengusaha untuk tujuan perkembangan perniagaan mereka. Hubungan yang dibina memberi impak positif kepada perniagaan dari segi penyaluran maklumat terkini, proses pemasaran, kepentingan dalam persatuan, bantuan dan sokongan serta perkembangan perusahaan.

4.2.3 Ciri Keusahawanan Modal Ekonomi

Modal ekonomi terdiri daripada tanah, buruh, modal dan usahawan itu sendiri. Dalam konteks kajian, tanah merupakan lautan yang merupakan kawasan atau tempat yang diperlukan oleh juragan untuk beroperasi menangkap ikan. Hubungan yang akrab dengan alam semula jadi khususnya laut memberi nilai tambah kepada seseorang untuk mendapatkan faedah daripadanya. Selari dengan ciri seorang usahawan iaitu pengambil peluang, sumber laut dapat dijadikan sebagai sumber kepada perusahaan untuk menjana pendapatan memandangkan potensi diri cenderung kepada aktiviti kelautan.

Seterusnya, sesebuah perusahaan perniagaan memerlukan buruh untuk menggerakkan operasi tangkapan. Buruh yang bekerja dalam industri perikanan khususnya dalam kapal dipanggil krew atau awak-awak. Tanpa krew, sesebuah kapal tidak akan dapat beroperasi. Tugas krew dalam sesebuah kapal tertakluk kepada kemahiran yang dimiliki serta arahan yang diberikan oleh juragan kapal. Misalnya, tugas menguruskan pukut, tugas mengawal teknologi seperti *echo sounder*, sonar dan GPS, tugas mengawal sisi kiri kanan kapal dan tugas-tugas khas lain. Selain daripada krew, sesebuah perusahaan laut dalam juga memerlukan buruh lain untuk menguruskan hasil pendaratan ikan. Buruh yang terlibat dalam menguruskan hasil tangkapan terdiri daripada kerani dan dagangan. Kerani bertanggungjawab mencatat keluar masuk hasil tangkapan manakala dagangan pula bertanggungjawab untuk menjual hasil tangkapan. Oleh itu, buruh (krew, kerani, dagangan) merupakan kelompok penting dalam perniagaan bagi menggerakkan operasi perikanan.

Modal merupakan ciri-ciri keusahawanan paling penting. Syarat utama menjadi seorang usahawan adalah memiliki modal untuk memulakan perniagaan terutamanya modal kewangan. Walau bagaimanapun, bagi juragan-pengusaha, mempunyai modal yang banyak tidak menentukan kejayaan seseorang pengusaha dalam bidang perikanan. Seseorang yang ingin menceburi bidang kelautan perlu memperkasakan modal manusianya itu sendiri. Seterusnya mempunyai pengalaman dan pengetahuan mengenai selok-belok aktiviti perikanan serta membuat penyelidikan mengenai bidang ini. Mereka tidak menafikan kepentingan modal kewangan untuk meluaskan pelaburan dalam aktiviti perikanan. Membuka perusahaan lain berasaskan sumber marin atau perniagaan yang diminati merupakan sikap optimis mereka apabila mempunyai modal kewangan yang kukuh. Sikap optimis tersebut direalisasikan bila mana mereka berjaya merencamkan perusahaan mereka selepas mendapat keuntungan menerusi perusahaan perikanan.

Natijahnya, seseorang individu yang ingin menjadi usahawan secara umumnya memerlukan tiga jenis modal asas iaitu modal manusia, modal sosial dan modal ekonomi. Ketiga-tiga modal ini membentuk satu ciri keusahawanan yang inklusif dan eksklusif untuk juragan-pengusaha mentransformasikan perusahaan mereka sehingga menjadikan industri perikanan sebagai satu perniagaan yang menguntungkan.

4.3 Peranan Juragan Laut Dalam

Setelah berevolusi dan menjadi ‘pesara’ juragan, peranan dalam industri perikanan tetap berjalan malahan semakin rencam. Juragan bukan sahaja masih boleh mengendalikan kapal

laut dalam, tetapi perlu menguruskan organisasi perniagaan yang dibina sebagai pemilik dan pengurus kepada perusahaan, menjadi pemasar dan berperanan kepada industri perikanan negara.

4.3.1 Peranan dalam Organisasi

Terdapat dua peranan utama juragan-pengusaha dalam organisasi iaitu melantik dan menstrukturkan organisasi perusahaan dengan melantik pekerja yang berkemahiran untuk membantu menguruskan perniagaan. Selain itu, juragan-pengusaha juga perlu menyediakan alat pengeluaran tangkapan untuk melancarkan urusan semasa operasi di laut.

Melantik Organisasi Perusahaan

Organisasi perusahaan terdiri daripada organisasi laut dan organisasi darat. Organisasi darat terdiri daripada kerani dan dagangan. Manakala organisasi laut terdiri daripada juragan-upahan dan krew. Kerani dilantik bagi tujuan mengurus, mencatat dan merekod urusan keluar masuk berkaitan syarikat misalnya urusan kewangan, hasil tangkapan dan jual beli sumber laut. Dagangan pula ditugaskan untuk menjual hasil tangkapan selepas didaratkan di pelabuhan. Juragan-upahan bertugas sebagai ketua kapal bagi menggantikan juragan-pengusaha yang telah 'bersara'. Krew pula membantu juragan mengikut tugas-tugas yang telah ditentukan berdasarkan kemahiran yang ada.

Menyediakan Alat Pengeluaran

Alat pengeluaran merupakan alatan penting untuk operasi menangkap ikan. Bagi juragan laut dalam, peralatan penting untuk menangkap ikan adalah kapal laut dalam yang mempunyai berat melebihi 70 tan kasar berdaftar (GRT). Kapal pula dilengkapi dengan enjin yang berkuasa kuda tinggi dan mampu belayar jauh dari pesisiran pantai. Pukat juga merupakan alat tangkapan penting. Pukat terbahagi kepada dua jenis iaitu pukat tunda dan pukat jerut. Penggunaan pukat adalah mengikut keselesaan juragan. Walau bagaimanapun hasil kajian menunjukkan majoriti informan menggunakan pukat jerut memandangkan pukat tunda telah diharamkan di sesetengah negeri misalnya di Terengganu.

Selain itu, teknologi canggih juga merupakan satu keperluan di dalam sebuah kapal laut dalam. Antara teknologi yang digunakan ialah GPS, *eco sounder*, *fish finder*, sonar, radio telekomunikasi dan *Mobile Tracking Unit* (MTU). Alatan tersebut perlu dipastikan berfungsi sebelum kapal beroperasi. Selain alatan, permit dan lesen juga merupakan alat pengeluaran

penting untuk membolehkan sesebuah kapal mendapat kebenaran beroperasi. Tujuan permit dan lesen untuk mengelakkan sesebuah vesel tidak diduplikasikan oleh vesel haram lain. Terdapat kes di mana vesel asing menduplikasikan vesel mereka sama seperti vesel Malaysia dengan tujuan ingin beroperasi di perairan Malaysia secara haram. Juragan-pengusaha juga memastikan setiap juragan-upahan dan krew mempunyai buku pelaut (seaman book) dan permit bagi warganegara asing. Hal ini kerana, kesemua informan menggunakan warganegara asing sebagai krew di dalam kapal mereka.

Kebertanggungjawaban juragan-pengusaha menguruskan organisasi dengan cekap dapat memastikan operasi tangkapan berjalan lancar. Ketidacukupan alatan, buruh dan tidak mematuhi piawaian dan syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia menyebabkan terganggunya operasi organisasi. Walau bagaimanapun, kajian mendapati pengalaman dan kemahiran yang dimiliki oleh juragan-pengusaha membolehkan mereka menyelesaikan sebarang masalah yang timbul.

4.3.2 Peranan dalam Pasaran

Tugas juragan-pengusaha tidak berhenti setakat menguruskan hasil tangkapan sahaja, namun mereka perlu menguruskan aktiviti pemasaran. Proses pemasaran yang cekap dapat mengelakkan lambakan ikan dan pembaziran sumber. Justeru, sebagai pemilik perusahaan, juragan-pengusaha mempunyai dua strategi untuk memastikan hasil tangkapan dijual sepenuhnya dan memperoleh keuntungan yang maksimum. Pertama, mereka akan memilih dagangan yang berkapabiliti tinggi dan; kedua, meluaskan jaringan di dalam dan luar negara.

Pemilihan Dagangan

Dagangan merupakan individu yang dilantik oleh juragan-pengusaha untuk menjual hasil tangkapan setiap kali pendaratan. Di Kelantan, dagangan dipanggil sebagai 'kache'. Perkataan 'kache' berasal daripada perkataan Inggeris iaitu 'catcher' yang bermaksud penangkap. Penangkap ini menurut industri perikanan adalah penangkap pembeli. Di Terengganu dan Pahang, dagangan dipanggil pelelong. Pelelong bermaksud orang yang menjual hasil tangkapan. Berbeza di Endau-Mersing, dagangan di panggil kerani. Juragan-pengusaha menganggap dagangan adalah orang penting yang perlu diiktiraf kebolehannya memasarkan ikan. Kerani disediakan bilik atau tempat khusus untuk menjalankan dagangannya. Biasanya, dagangan terdiri dalam kalangan peraih, orang tengah, pemborong ikan dan penjaja ikan yang berpengalaman luas dalam aktiviti pemasaran.

Pemilihan dagangan berdasarkan pengalaman dan kemahiran penjualan yang dimiliki oleh seseorang. Mereka yang dilantik umumnya merupakan kenalan, bekas pemborong atau peraih ikan yang mengambil ikan dengan juragan-pengusaha. Pemilihan daripada kenalan dapat memastikan tahap keupayaan seseorang pelelong tersebut. Mereka akan diberi komisen atas setiap peratus jualan ikan. Biasanya mereka dibayar di antara tiga dan lima peratus daripada hasil jualan. Walau bagaimanapun, terdapat juga juragan-pengusaha yang menjadi dagangan. Hal ini kerana kesukaran untuk mencari seorang dagangan yang berkualiti bagi mengelakkan sebarang pembaziran sumber.

Jaringan Luas

Jaringan pemasaran yang luas juga penting untuk memastikan sumber hasil sentiasa mempunyai permintaan tinggi. Dalam hal ini, kajian mendapati juragan-pengusaha mencari inisiatif untuk meluaskan pasaran mereka dengan berkongsi maklumat antara rakan sepekerjaannya yang lain. Perkongsian maklumat ini membantu rakan usahawan lain memasarkan hasil tangkapan kepada pemborong yang memerlukan stok ikan. Misalnya, juragan-pengusaha di Kelantan akan memasarkan hasil tangkapan ke Kuantan, Pahang dan Endau, Johor untuk memenuhi permintaan di sana. Malah pasaran mereka juga telah diperluaskan sehingga ke negara Jepun menerusi rakan usahawan di Thailand. Jaringan pemasaran yang luas membantu meningkatkan jualan ikan dalam negeri, luar negeri mahupun jualan eksport.

Seterusnya, bagi meningkatkan hubungan juragan-pengusaha dengan pasar, mereka sentiasa menambah kenalan dari semasa ke semasa. Bagi menambah kenalan, kaedah perkenalan antara rakan dengan rakan lain turut diaplikasikan dalam proses meluaskan jaringan. Kaedah ini dapat menambah jaringan kenalan dengan perkenalan rakan ke atas rakan lain. Pertambahan rakan di tempat baharu semestinya meluaskan jaringan sosial dalam memasarkan ikan. Misalnya, perkenalan dengan pemborong di pasar besar seperti pasar borong di Kuala Lumpur, dapat meluaskan aktiviti pemasaran. Perlu ditekankan bahawa pertambahan kenalan bukan sahaja kenalan dari rakan niaga tetapi juga rakan pembeli dan pemborong. Hubungan sosial yang terbina merapatkan lagi juragan-pengusaha dengan pasar.

5.0 KESIMPULAN

Sistem ekonomi tradisional menganggap sektor perikanan sebagai sumber pencarian. Manakala sistem ekonomi moden menganggap sektor perikanan sebagai satu industri.

Sumbangan sektor perikanan negara memberi impak positif kepada ekonomi negara sehinggakan kerajaan menggalakkan lebih ramai komuniti nelayan untuk terlibat dengan armada penangkapan ikan secara moden di lautan dalam. Perkara ini menunjukkan perkembangan industri perikanan selari dengan kemajuan dan evolusi juragan di wilayah ECER.

Makalah ini menggariskan dua perkara penting sebagai penemuan utama kajian. Kemampuan untuk seseorang nelayan berevolusi apabila mempunyai kehendak dan mempunyai sikap optimis untuk berjaya. Proses peralihan daripada nelayan tradisional kepada pengusaha nelayan yang berjaya mampu mengubah skeptikal bahawa nelayan merupakan komuniti marginal yang sukar berubah. Makalah ini dapat menggambarkan transformasi nelayan secara lamban namun tetap mampu mengharungi sehingga berjaya menjadi juragan laut dalam seterusnya menjadi juragan-pengusaha atau usahawan perikanan dalam industri perikanan.

Makalah ini juga memberi penjelasan mengenai usahawan sebenar dalam industri perikanan. Usahawan sebenar ini berdasarkan ciri-ciri dan peranan yang dimainkan oleh juragan-pengusaha dalam industri perikanan. Namun, tidak semua juragan laut dalam adalah usahawan tetapi sebahagiannya merupakan usahawan dalam industri perikanan. Hal ini kerana terlalu ramai pemain (tauke, orang tengah, pemborong) dalam industri perikanan seolah-olah berperanan sebagai usahawan. Mereka merupakan sebahagian rantaian dalam industri perikanan. Dalam konteks makalah ini, seorang usahawan perikanan haruslah mempunyai pengalaman dalam aktiviti kelautan, sanggup mengambil risiko sebagai peluang, mempunyai modal dan bersikap futuristik. Justeru, perkembangan yang dilalui oleh juragan sehingga berjaya menjadi pengusaha dalam industri perikanan memberi impak positif terutamanya dalam meningkatkan sekuriti makanan negara dan transformasi industri perikanan laut dalam.

RUJUKAN

- Blundel, R. & Lockett, N. (2011). *Exploring entrepreneurship practices and perspectives*. United Kingdom: Oxford University.
- Creswell, J. W. & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiring research design: Choosing among five approaches*. Thousand Oaks, U.S.: SAGE Publications.
- Food and Agriculture Organization of the United Nations, FAO. (2005). *Fishery country profile: The United States of America*. Rome: Food and Agriculture Organization of the United Nations.

- Firth, R. (1990). *Nelayan Melayu: Ekonomi tani mereka*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Giddens, A. (1984). *The constitution of society*. Cambridge, U.K.: Polity Press.
- Granovetter, M. & Swedberg, R. (1992). *The sociology of economic life*. Boulder, CO: Westview Press.
- Green, S. J., Flores, J. O., Dizon-Corrales, J. Q., Martinez, R. T., Nuñal, D. R., Armada, N. B., & White, A. T. (2004). *The fisheries of Central Visayas, Philippines: Status and trends*. Cebu City: Department of Agriculture.
- Ishak, S. (1990). *Ekonomi nelayan: Pengumpulan modal, perubahan teknologi dan pembezaan ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Perikanan Malaysia. (2016). Kementerian pertanian dan industri asas tani Malaysia. Diambil dari www.dof.gov.my
- Jones, E. V., Gray, T. S., & Umponstira, C. (2010). Small-scale fishing: Perceptions and threats to conserving a livelihood in The Province of Phang-nga, Thailand. *Journal Environment Asia*, 3(1), 1-7.
- Kearney, M. S., Harris, B. H., Hershbein, B., Boddy, D., Parker, L., & Di Lucido, K. (2014). *What's the Catch: Challenges and opportunities of the U.S. fishing industry. The Hamilton Project*. Washington D.C.: Brookings.
- Kothari, C. R. (2004). *Research methodology: Methods and techniques*. New Delhi: New Age International (P) Ltd.
- Lloyed, C. (1993). *The structure of history*. London: Basil Blackwell.
- Mohammad Raduan, M. A. (2006). *Perusahaan perikanan di Sabah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mika, Y., Junichiro, O., Hiroki, Y., & Nobuo, K. (2015). Characteristics of operations at fish-landing sites managed by private owners in Thailand. *Bulletin of Fisheries Sciences, Hokkaido University*, 66(1), 51-58.
- Nobuyuki, Y. (2011). *Value chains of fishery product: Japan*. Tokyo: The Universiti of Tokyo.
- Nor Hayati, S. (2010). *Keluar dari lingkaran kemiskinan: Mobiliti sosial di kalangan komuniti pesisir pantai, Kuala Terengganu*. (Tesis PhD tidak diterbitkan). Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Norfatiha, O. (2015). *Modal manusia, modal sosial dan keusahawanan dalam komuniti nelayan di Bachok, Kelantan*. (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Terengganu, Malaysia.

- Organisation for Economic Co-Operation and Development, OECD. (2009). *OECD Annual Report 2009*. Paris, France: Organisation for Economic Co-Operation and Development.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (2018). *Ensiklopedia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rusu, S., Isac, F., Cureteanu, R., & Csorba, L. (2012). Entrepreneurship and entrepreneurs: A review of literature concepts. *African Journal of Business Management*, 6(10), 3570-3575.
- Smelser, N. J. & Swedberg, R. (2005). *The Handbook of Economic Sociology* (2nd ed.). Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Sudarmono, S., Sulehan, J., & Rahamah, N. (2012). Globalisasi industri perikanan: Dampak terhadap komuniti nelayan lokal di pesisiran pantai Kota Makassar, Indonesia. *Geografia Online Malaysia Journal of Society and Space*, 8(7), 173-182.
- Tengku Roziana, T. M. (1997). *Peranan industri perikanan membanteras inflasi*. Kuala Lumpur: Department of Fisheries Essay.
- Therik, W. M. A. (2008). Nelayan dalam bayangan Juragan: Potret kehidupan nelayan tradisional Bajo di Tanjung Pasir, Indonesia. *Journal of NTT Studies*, 2(1), 72-82.
- Ungku Aziz, A. H. (1958). *Prospect for community development programme in Malaysia*. Kuala Lumpur: Government Printers.
- Wan Hashim, W. T. (1990). *Komuniti nelayan di Pulau Pangkor: Beberapa aspek ekonomi dan sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yosi, M. P., Pudjo, S., & Ani, H. M. (2015). Work relationship model of owner and fisherman worker to prosperous of fisherman worker in Hamlet of Kampung Baru The Village Grajagan Purwoharjo Banyuwangi District. *Artikel Ilmiah Mahasiswa*, 1(1), 1-6.
- Zaitu Akma, M. (2004). *Pembangunan keusahawanan: Satu kajian mengenai produk keluaran persatuan nelayan kawasan*. (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universiti Utara Malaysia.
- Zaragosa, E. C., Pagdilao, C. R., & Moreno, E. P. (2004). Fisheries for tuna and other large pelagic fishes. In G. Silvestre, S. J. Green, A. T. White, N. Armada, C. Luna, A. Cruz-Trinidad, Carreon, M. F., III (eds.), *In turbulent seas: The status of Philippine marine fisheries* (pp. 38-41). Cebu City: Department of Agriculture-Bureau of Fisheries and Aquatic Resources.